

21/02/2001

RM3b milik rakyat Malaysia dalam CPF Singapura

Azhar Abu Samah; Mohd Yusof Sulaiman

MENTERI Sumber Manusia Singapura, Dr Lee Boon Yang pada September 1998, pernah memberitahu Parlimen republik itu, bahawa ketika menjawab surat Menteri Sumber Manusia Malaysia ketika itu, Datuk Lim Ah Lek berhubung isu CPF menegaskan:

"Perkara itu perlu diserahkan kepada Perdana Menteri Malaysia dan Singapura `apabila mereka berbincang mengenai kerjasama dua hala'."

Pada 9 Februari lalu pula, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang turut mengikuti lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kedua-dua negara sudah menghampiri kesepakatan terhadap pelbagai isu yang dimasukkan dalam pakej penyelesaian hubungan dua hala kedua-dua negara.

Syed Hamid berkata, sejak setahun lalu banyak perkembangan positif dicapai ke arah penyelesaian menyeluruh terhadap isu yang terkandung dalam pakej itu.

Pakej penyelesaian itu dipersetujui dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong di Hanoi pada 1998, tetapi kemajuannya agak perlahan hingga sejak kebelakangan ini.

Pakej itu termasuk isu tanah stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar, Singapura penjualan air ke republik itu, kegunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan masalah rakyat Malaysia dari Semenanjung yang tidak dibenar mengeluarkan simpanan CPF mereka setelah berhenti kerja di republik itu.

Walaupun tidak ada tempoh ditetapkan untuk penyelesaian pakej itu, namun Malaysia dan Singapura berminat untuk menyegerakannya supaya isu berkenaan tidak terus menimbulkan ketegangan hubungan dua hala.

"Kita mahu penyelesaian keseluruhan pakej itu, bukan sebahagian atau mengasingkan isu di dalamnya, supaya memuaskan hati kedua-dua pihak, iaitu keadaan "sama-sama menang," kata Syed Hamid.

Dalam lawatan itu, yang nyata isu tanah stesen KTMB dapat dileraikan sedikit iaitu Singapura pada dasarnya bersetuju terhadap permintaan Malaysia untuk memindahkan stesen milik KTM di Tanjong Pagar ke Kranji, bukan ke Woodlands atau Bukit Timah, walaupun akhbar di republik itu melaporkan seolah-olah Singapura yang memberi konsesi kepada Malaysia dan republik itu digambarkan sebagai melanjutkan tempoh akhir 10 Februari ini bagi Malaysia memindahkan stesen kereta api di Tanjong Pagar.

Namun, hingga kini isu CPF masih tiada penyelesaiannya kecuali bagi pekerja dari Sabah dan Sarawak dan ahli asing CPF lain boleh mengeluarkan simpanan apabila berhenti daripada bekerja dan meninggalkan republik itu. Pekerja dari Semenanjung hanya boleh membuat pengeluaran apabila mereka berusia 55 tahun.

Persoalan utama ialah mengapa pekerja Malaysia dari Semenanjung diasingkan dan sehingga kini ia menjadi `teka-teki'. Apa yang paling menarik isu CPF ini menjadi sebahagian pakej membabitkan perundingan dua hala di antara republik itu dan Malaysia.

Dr Lee ketika memberitahu Parlimen republik itu, ahli CPF dari Semenanjung dibezakan daripada ahli asing lain disebabkan hubungan sejarah di antara Semenanjung Malaysia dan Singapura.

"Jarak geografi membolehkan ramai pekerja berulang alik dengan kerap di antara Semenanjung dengan Singapura.

"Pekerja dari Semenanjung selalu kembali ke Singapura untuk bekerja

semula selepas meninggalkan republik ini untuk tempoh tertentu," katanya.

Ini, katanya, berlainan daripada pekerja asing lain, termasuk dari Sabah dan Sarawak, yang bilangannya jauh lebih kecil dan jarang sekali kembali semula setelah meninggalkan Singapura.

Alasan yang diberikan itu walaupun boleh dipertikaikan, namun kita perlu mengakui hakikat bahawa jumlah caruman CPF rakyat Malaysia berjumlah RM3 bilion yang masih berada di akaun republik itu, bukanlah mudah untuk dilepaskan begitu saja kerana membabitkan kewangan besar.

Malah, walaupun MTUC sudah mengemukakan perkara itu kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang berpangkalan di Geneva, namun Singapura melihatnya sebagai tiada asas untuk MTUC berbuat demikian.

Bagi Dr Lee, Singapura akan bertindak sewajarnya jika MTUC benar-benar membuat aduan. Bagaimanapun, katanya, MTUC tidak ada asas untuk berbuat demikian kerana ILO bukan tempat untuk menyelesaikan isu membabitkan soal dua hala.

Pada masa ini, kira-kira 50,000 bekas pekerja rakyat Malaysia dilaporkan mencarum dengan CPF dan terpaksa menunggu sehingga berusia 55 tahun bagi membolehkan mereka mengeluarkan caruman itu.

Tindakan 'tidak adil' republik itu kepada bekas pekerja dari Semenanjung mendapat perhatian serius Kerajaan Malaysia apabila Dr Mahathir pernah melahirkan rasa hairan dengan sikap Kerajaan Singapura yang mengamalkan dasar berlainan terhadap Semenanjung berbanding Sabah dan Sarawak berhubung isu CPF. Dalam reaksinya terhadap isu itu, Perdana Menteri dilaporkan berkata, beliau juga tidak faham mengapa kerajaan republik itu mengangap Sabah dan Sarawak bukan sebahagian daripada Malaysia.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberi jaminan kerajaan akan terus mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura untuk mencari jalan penyelesaian bagi membolehkan wang pekerja dari Semenanjung dalam CPF boleh dikeluarkan.

Seorang bekas pekerja di republik itu, Zahar Senin, ketika menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap perkara itu berkata, adalah tidak adil dan tidak berperikemanusiaan kerajaan republik itu menahan rakyat Semenanjung daripada mengeluarkan wang simpanan dalam CPF, sedangkan orang lain, termasuk pekerja dari Sabah dan Sarawak dibenarkan mengeluarkan wang itu.

Katanya, sehingga ini lebih 120,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura, terutama di sektor pembinaan, pembuatan dan industri membaiki kapal.

Bagaimanapun, sejak empat tahun lalu kira-kira 50,000 daripada mereka pulang ke Malaysia kerana menjadi mangsa pemberhentian kerja disebabkan kemerosotan ekonomi.

Beliau mendakwa pada 1985, seramai 50,000 pekerja asing di Singapura, khususnya rakyat Malaysia, diberhentikan. Malangnya, selepas diberhentikan mereka terpaksa menunggu sehingga 20 hingga 25 tahun untuk mengeluarkan wang itu.

"Kita juga mempertikaikan sikap pengurusan CPF yang tidak mengambil sebarang usaha untuk mengirinkan penyata akaun pekerja Malaysia yang sudah meninggalkan Singapura," kata beliau yang kini menetap di Felda Kumai, Pahang.

Sebelum ini, Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, RM3 bilion yang disimpan dalam CPF Singapura bukan sedikit, malah boleh digunakan untuk membantu negara memulihkan ekonomi, termasuk membeli rumah.

(END)